

**Mercedes & BMW Sokong Pengambilalihan Proton Oleh DRB-Hicom
Bernama
18 Januari, 2012**

KUALA LUMPUR, 18 Jan (Bernama) -- Mercedes-Benz Malaysia dan BMW Group Malaysia memberikan reaksi positif terhadap pengambilalihan Proton Holdings Bhd oleh DRB-HICOM daripada Khazanah Nasional Bhd kerana kedua-duanya merasakan ia adalah syarikat yang sesuai untuk mengubah pembuat kereta nasional itu menjadi lebih berdaya saing dan meningkat ke tahap yang lebih tinggi.

Syarikat-syarikat yang merupakan dua peneraju unggul dalam segmen kereta mewah tempatan itu, bersetuju bahawa DRB-HICOM milik jutawan perniagaan Tan Sri Syed Mokhtar AlBukhary itu mempunyai kelayakan untuk menguruskan dan mengubah Proton memandangkan pengalamannya yang luas dalam sektor automotif dan kemudahan berkaitan automotifnya di Malaysia.

Penglibatan DRB-HICOM dalam Proton akan juga membantu Proton menghentikan pergantungannya kepada dasar-dasar perlindungan dan berkembang menjadi peserta yang benar-benar berdaya saing di dalam dan luar negara.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Mercedes-Benz Malaysia, Roland S Folger, memberitahu Bernama Rabu DRB-HICOM sentiasa merupakan rakan kongsi yang baik dan boleh dipercayai bagi Mercedes-Benz Malaysia.

"Dengan demikian kami amat menghargai usaha ini dan menyokong kerjasama ini.

"Sebagai rakan kerjasama DRB-HICOM melalui kilang pembuatan kami di Pekan, kami yakin kepakarannya yang diperoleh melalui perkongsian dengan jenama-jenama luar negara akan memberi manfaat kepada Proton," kata Folger.

Beliau berkata sebagai sebuah syarikat yang kukuh dari banyak aspek, DRB-HICOM akan dapat membawa pembuat kereta nasional itu ke tahap yang lebih tinggi.

Pengarah Urusan BMW Group Malaysia, Geoffrey Briscoe, berkata pengambilalihan itu adalah satu langkah positif bagi pembuat kereta nasional itu kerana DRB-HICOM adalah peserta yang berpengalaman dalam segmen automotif dan boleh memberikan sumbangan besar kepada hala tuju strategik Proton.

Meskipun pengambilalihan oleh DRB-Hicom ini akan memberikan rangsangan baharu dari segi ide, sumber dan hala tuju, namun masa depan Proton akan banyak bergantung kepada keupayaannya membebaskan diri daripada bergantung kepada dasar-dasar perlindungan yang sebenarnya telah menghalang keupayaannya untuk menjadi peserta yang berdaya

saing dalam industri automotif.

"Dengan pengalamannya yang luas, baik dalam segmen automotif mahupun segmen-segmen perniagaan lain yang sengit persaingannya, saya berharap DRB-Hicom akan dapat membawa Proton ke arah menjadi peserta automotif yang berdaya saing di Malaysia dan juga di luar negara," kata Briscoe.

Isnin minggu ini, Khazanah Nasional Bhd mengumumkan bahawa DRB-HICOM memenangi bida untuk membeli 42.7 peratus kepentingannya dalam Proton menerusi jualan bersyarat pada harga RM5.50 sesaham, atau RM1.29 bilion tunai.

Dalam pasaran terbuka semalam, konglomerat itu membeli 7.27 peratus lagi, menjadikan keseluruhan pegangannya dalam Proton berjumlah 49.97 peratus.

Apabila urusan niaga ini selesai (dijangkakan dalam tempoh dua bulan), DRB-HICOM berkewajipan untuk melaksanakan tawaran am mandatori bagi baki saham Proton pada harga yang sama.

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=640986>